



جمعية العلماء ومدرسي الدين الإسلامي بسنغافورة
Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association



2021

CONFERENCE PROCEEDINGS



Published by



جمعية العلماء ومدرسي الدين الإسلامي بسنغافورة
Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association

Singapore Islamic Scholars and Religious Teachers Association
448 Changi Road #03-01
Singapore 419975



info@pergas.org.sg



www.pergas.org.sg

Publication Coordinator

Khairunnisaa Bte Abdul Rahim

Language Editors

Bashir Basalamah

Ummul Kulthum Bte Abdul Kader

Design by

Pergas

Printed by

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission of Pergas.

© 2021 Pergas

Conference Proceedings: Mukhtamar Ulama 2021 is a publication of Pergas. The views expressed in this publication do not necessarily reflect those of Pergas.

ISBN: 978-981-18-2607-8

Transliteration Table

Arabic Character	Romanized	Arabic Character	Romanized
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ḍ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	ه	h
ش	sh	و	w
ص	ṣ	ء	’
ض	ḍ	ي	y

Vocal	Arabic Character	Romanized
Short Vocal	َ	a
	ِ	i
	ُ	u
Long Vocal	ا ، ي	É
	ي	Ê
	و	Ë
Diphthong	ؤ	aw
	يُ	ay
	ي	iyy/Ê
	و	uww/Ë

Pendekatan Wasatīyyah Dalam Memahami Absolutisme Dalam Beragama¹

*Ucap Utama Oleh Ustaz Dr Muhammad Haniff Hassan
di Muktamar Ulama Pergas, 20 Mac 2021*

Pendahuluan

Artikel ini memberi penjelasan tentang pendekatan Wasatīyah untuk memahami absolutisme dalam beragama. Kefahaman yang jelas tentang kebenaran mutlak (absolutism) dan kebenaran subjektif menjadi asas yang dapat membezakan antara absolutism yang betul dengan yang salah. Berdasarkan kefahaman ini, artikel ini merumuskan sembilan panduan bagi Muslim ketika ingin menentukan perkara-perkara agama – sama ada absolutisme diperlukan atau tidak.

Bagi tujuan artikel ini, absolutisme beragama bermaksud pendapat yang mengatakan bahawa hanya satu pendirian agama itu bersifat kebenaran mutlak dan apa yang menyalahinya adalah kebatilan yang tertolak.

Pendekatan *wasatīyah* yang dimaksudkan dalam artikel ini pula ialah pendekatan yang mengakui kepelbagaian fenomena absolutisme beragama lalu berusaha untuk mengenal pasti ciri-ciri setiap satu. Dengan itu, dapatlah pula dikenal pasti absolutisme yang benar dan yang batil di sisi agama. Ini juga bermakna, pendekatan ini tidak membuat hukum umum (*generalisation*) yang mengakui atau menafikan keabsahan semua absolutisme beragama.

Kaedah kajian utama yang digunakan bagi artikel ini adalah kajian perpustakaan. Segala isu dan perbahasan dalam artikel ini akan dilihat melalui kaca mata tradisi ilmu Pengajian Islam. Maka absolutisme yang dibahaskan dalam artikel ini tidak berkaitan dengan apa yang dibahaskan dalam bidang falsafah, seperti absolutisme moral (*moral absolutism/relativism*), atau sains politik, iaitu kedaulatan mutlak (*absolute sovereignty*).

¹ Kertas ini dibentangkan sebagai Ucap Utama di Muktamar Ulama III, anjuran Pergas, pada 20 Mac 2021. Ia dikembangkan dari artikel bertajuk “Mengenal Kebenaran Yang Mutlak”, terbitan Berita Harian, 26 April 2013.

Para ulama dalam tradisi ilmu Pengajian Islam berpendirian bahawa segala perkara dalam agama Islam terdiri daripada dua jenis;

- a) *al-thawābit*, iaitu perkara-perkara prinsip yang kekal, tetap dan tidak boleh dikompromi kerana sifatnya sebagai kebenaran yang mutlak
- b) *al-muthaghayyirāt*, iaitu perkara-perkara yang boleh berubah mengikut masa dan tempat kerana sifat kebenarannya yang subjektif. Yang menjadi isu hingga menatijahkan perbezaan pendapat adalah tentang apa yang termasuk dalam *al-thawābit* dan apa pula yang jatuh di bawah *al-muthaghayyirāt*.²

Pendirian ini membezakan antara ulama Pengajian Islam dengan sebahagian sarjana lain yang berpegang pada mazhab pemikiran bahawa segala kebenaran adalah subjektif kerana ia terhasil daripada pemikiran manusia yang terbatas dan mustahil untuk merumuskan idea yang objektif hingga mendasari pula falsafah relativisme moral atau penentuan baik/betul atau buruk/salah. Dalam hal ini dan juga dalam konteks perbahasan artikel ini, penulis berpendirian sama seperti para ulama ilmu Pengajian Islam.

Namun usaha untuk menjadi Muslim yang istiqamah dengan prinsip kebenaran dan memelihara diri daripada dianggap “menjual agama” kerana dinilai telah berkompromi prinsip agama dengan kebatilan. Hal ini bukan sahaja mampu bahkan boleh menatijahkan masalah dalam masyarakat apabila ia tidak dipandu oleh kefahaman betul tentang apa itu kebenaran mutlak (*al-thawābit*) yang wajib dipertahankan. Hanya dengan kefahaman yang betul inilah, pendirian absolutism dalam beragama dapat dinilai sah, betul dan terpuji di sisi agama.

Antara masalah yang diketahui wujud dalam masyarakat Muslim di merata tempat berakibat dari sikap absolutisme agama yang salah disebabkan oleh salah faham tentang apa itu kebenaran mutlak yang tidak boleh dikompromi dan apa kebenaran yang boleh wujud bersama dengan pendapat lain yang menyalahinya kerana sifat kebenaran itu yang subjektif. Sebab sifat kebenaran itu yang subjektif, pendapat yang berbeza tidak perlu dinilai sebagai kebatilan atau satu penyelewengan dalam agama. Bahkan memungkinkan ia untuk dinilai sama benar hingga dengan itu masing-masing pihak dapat saling berlapang dada, menghormati pendapat masing-masing dan tidak menjadikan perbezaan

² Lihat Salah Al-Sawi (2009), *Al-Thawābit Wa Al-Mutaghayyirāt Fī Masīrat Al-`Amāl Al-Islāmiy Al-Mu`āṣir*, T. tpt: Sharia Academy of America; Rashid Sa`id Shahwan (2019), *Al-Ḍawābiṭ Al-Shar`iyah Li Al-Thawābit Wa Al-Mutaghayyirāt Fī Al-Islām*, Amman: Dār Al-Ma`mūn; Salah Muhammad (2018), *Fiqh Al-Thawābit Wa Al-Mutaghayyirāt*, Manaretweb.com, 7 Januari, lihat di <http://www.manaratweb.com/%D9%81%D9%82%D9%87-%D8%A7%D9%84%D8%AB%D9%88%D8%A7%D8%A8%D8%AA-%D9%88%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%AA%D8%BA%D9%8A%D8%B1%D8%A7%D8%AA/>

pendapat yang ada sumber permusuhan dan perpecahan dalam masyarakat. Contoh masalah disebabkan absolutisme beragama “yang tidak bertempat”, ialah;

- taksub pada kelompok atau guru tertentu kerana tanggapan sikapnya mewakili kebenaran mutlak
- konflik disebabkan sektarianisme
- sikap tegar dalam isu-isu tertentu dalam agama
- perbuatan menuduh kafir, bid'ah atau sesat terhadap mereka yang berbeza pendirian dalam perkara agama
- perdebatan berlarutan tentang sesuatu isu agama hingga terbazir tenaga, masa dan sumber-sumber lain
- tidak mengamalkan adab yang mulia kepada mereka yang berbeza pendapat.

Absolutisme beragama yang bermasalah bukan hanya mempunyai kesan pada hubungan sesama Muslim, tapi juga hubungan Muslim dan bukan Muslim apabila ia membabitkan pendirian-pendirian agama yang membabitkan sikap terhadap bukan Muslim seperti dalam isu *Al-Walā' Wa Al-Barā'*. Ini menjadikan absolutisme beragama bukan hanya soal menjaga keharmonian dalaman bagi masyarakat Muslim tapi juga menjaga keharmonian sosial masyarakat Singapura. Bahkan absolutisme beragama yang bermasalah berpotensi mencetuskan masalah keselamatan negara kerana ia adalah antara ciri yang terdapat dalam ideologi kumpulan pengganas seperti Al-Qaeda dan IS.

Masalah-masalah ini perlu ditangani kerana ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab dakwah, iaitu kewajiban mengajak Muslim mengamalkan Islam dengan betul sepanjang masa dan di merata tempat.

Untuk menaangani masalah ini, kefahaman yang betul tentang absolutisme beragama amat diperlukan hingga dengannya dapat diketahui;

- bila absolutisme beragama itu terpuji atau tercela,
- bila atau dalam isu apa absolutisme beragama perlu diamalkan, dan
- bila perlu berlapang dada dengan pendapat yang berbeza atau menerima keberadaannya.

Telah dinyatakan di atas bahawa absolutisme beragama baik dari segi konsep atau amali mempunyai hubungan yang erat dengan kefahaman Muslim tentang kebenaran kerana kebenaran adalah inti pati

ajaran Islam. Bahkan semua ajaran Islam berkisar pada konsep kebenaran. Al-Quran juga mengajar bahawa Muslim hendaklah sentiasa kukuh bersama dengan kebenaran, atau dia menanggung risiko berpihak dengan kebatilan yang dimurkai Allah s.w.t., sebagaimana firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٤﴾

Ertinya: “Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya.”

(Al-Baqarah: 42)

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُنْ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٦٠﴾

Ertinya: “Perkara yang benar ialah yang datang dari Tuhanmu. Maka jangan sekali-kali engkau menjadi dari orang-orang yang ragu-ragu.” (Āli ‘Imran: 60)

فَذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمُ الْحَقُّ فَمَاذَا بَعَدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ فَأَنْتَ تُصِرُّونَ ﴿٣٢﴾

Ertinya: “Maka yang demikian (sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah, Tuhan kamu yang sebenar-benarnya; sesudah nyatanya sesuatu yang betul dan benar, maka tidakkah yang lain daripada itu salah dan karut sahaja? Oleh itu, bagaimana kamu dapat dipesongkan dari kebenaran?” (Yunus: 32)

Oleh itu, mengetahui jenis-jenis kebenaran, bagaimana mengenalinya dan kemudian pula mempunyai sikap yang betul terhadapnya adalah penting kerana ia membentuk sikap yang betul dan sederhana dalam perkara agama. Tanpanya, seorang Muslim boleh jatuh dalam pelampauan seperti sikap tegar tidak bertempat, mudah menyesatkan orang lain, mensubjektifkan semua kebenaran, dan tidak anjal dalam kefahaman dan amalan hingga menyusahkan diri dan orang lain.

Pembahagian Kebenaran – Analisa Kualitatif

Dalam tradisi ilmu-ilmu Islam, kebenaran terbahagi pada dua; 1) kebenaran mutlak atau hakiki (*al-qaṭ‘iyāt* atau *al-muhkamāt*), dan 2) kebenaran spekulatif atau subjektif (*al-ẓanniyāt* atau *al-mutashabihāt*).

Kekuatan kedua-dua kategori ini dinilai berdasarkan dua kriteria pada dua sumber dalil *syara’* yang utama iaitu Al-Quran dan hadis; 1) ketulenan (*al-thubūt*), dan 2) makna (*al-dilālāh*). Kualiti bagi

setiap satu daripada dua kriteria ini pula ditentukan berdasarkan sifatnya yang, 1) muktamad/pasti (*qat`iy*), dan 2) tidak pasti/spekulatif (*ẓanniy*).³

Dari segi sifat ketulenan pada dalil *syara'*, semua ayat-ayat Al-Quran dihukumkan secara automatik sebagai tulen yang muktamad (*qat`iy al-thubūt*).⁴ Namun, ini tidak berlaku pada hadis-hadis Nabi s.a.w. Hanya hadis *Mutawātir* sahaja yang dihukumkan oleh para ulama sebagai tulen yang muktamad.⁵ Ia adalah hadis-hadis yang diriwayatkan oleh jumlah perawi yang ramai dari generasi sahabat hinggalah generasi seterusnya. Hadis *Mutawātir* adalah hadis yang tertinggi status ketulenan asalnya dari Rasulullah s.a.w. Semua hadis *Mutawātir* adalah *Ṣaḥīḥ* tetapi bukan semua hadis *Ṣaḥīḥ* jatuh dalam kategori hadis *Mutawātir*.

Selain hadis *Mutawātir* dikenali sebagai hadis *Aḥad*. Ia mempunyai darjah ketulenan yang tidak muktamad. Disebabkan kedudukannya tidak pasti tulen, ia dikategorikan oleh para ulama kepada kategori berikut berdasarkan kekuatan kemungkinannya berasal dari Nabi s.a.w;

1. *Ṣaḥīḥ* (benar yang spekulatif)
2. *Ḥasan* (bagus yang spekulatif)
3. *Da`if* (lemah yang spekulatif)
4. *Mawḍū`* (bohong yang spekulatif)

Para ulama sememangnya sentiasa menjadikan hadis-hadis *Aḥad* yang *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* sebagai sumber kebenaran agama. Namun disebabkan sifat ketulennannya yang bersifat spekulatif, kedudukan kebenaran agama yang bersandarkan hadis-hadis *Aḥad* yang *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* adalah lebih rendah dari kebenaran yang bersumberkan ayat-ayat Al-Quran dan hadis *Mutawātir* kerana ketulenan hadis *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* yang bersifat spekulatif berbanding ayat-ayat Al-Quran dan hadis *Mutawātir* yang bersifat muktamad.⁶

Dari segi makna pada dalil *syara'* pula, apa yang dianggap muktamad (*qat`iy*), di sisi ulama, ialah apa yang hanya mempunyai satu makna yang pasti. Tiada kemungkinan bagi makna-makna lain atau tiada kemungkinan bagi kepelbagaian pada makna. Manakala, dalil *syara'* yang dikategorikan

³ Qutb Muṣṭafa Ṣanu (2004), *La Inkār Fi Masā'il Al-Ijtihād*, Kuala Lumpur: Dar Al-Tajdid, ms. 21-3. Lihat juga Ibrāhīm bin Musa Al-Shāṭibi (no date), *Al-Muwāfaqat*, T.tpt: Dār Al-Fikr, jld. 3, ms. 7-13.

⁴ Ibid; Wahbah Al-Zuhayli (1986), *Uṣul Al-Fiqh Al-Islāmī*, Beirut: Dār Al-Fikr Al-Mu`asir, jld. 1, ms. 441; Muhammad Al-Khudariy (1981), *Uṣul Al-Fiqh*, Kaherah: Dār Al-Fikr, ms. 207-8.

⁵ Ibid; m. 453; Ibid, m. 84; Muhammad Abū Zahrah (T.t.), *Uṣul Al-Fiqh*, Kaherah: Dār Al-Fikr Al-`Arabi, ms. 213-5.

⁶ Ibid; pp. 454-5, 464-73; Ibid, pp. 84-5; Ibid, pp. 215, 227-8.

sebagai mempunyai makna yang tidak muktamad (*qat`iy*) ialah dalil yang mempunyai kemungkinan untuk mempunyai pelbagai makna disebabkan perkataan yang ada padanya atau konteks yang berkaitan dengannya. Dalam hal ini, kedua-dua Al-Quran dan hadis berkongsi kebarangkalian untuk mempunyai makna yang muktamad atau spekulatif.⁷ Bagi memudahkan kefahaman, boleh rujuk contoh-contoh pada jadual di bawah.

Bagi tujuan menyusun senarai kedudukan (*ranking*) kekuatan dalil-dalil syarak sebagai asas bagi menetapkan hierarki kebenaran agama, para ulama memberi kepentingan pada aspek ketulenan berbanding dengan aspek makna, dan pada apa yang muktamad berbanding dengan apa yang spekulatif.⁸ Sekali lagi, jadual di bawah akan dapat memberi kejelasan tentang kategori dalil-dalil *syara'* berdasarkan sifatnya yang muktamad atau tidak dari segi ketulenan dan dari segi makna di sisi tradisi ilmu *syara'*.

Jenis dan Kedudukan	Sumber	Contoh
1. Muktamad segi ketulenan dan makna (<i>Qat`iy al-thubūt wa al-dilālah</i>)	- Al-Quran - Hadis <i>Mutawātir</i>	- Wajib beriman bahawa Allah s.w.t. menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa a.s. dan kitab Injil kepada Nabi Isa a.s.⁹ - Rukun Islam adalah lima; Beriman bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad s.a.w adalah RasulNya, menunaikan solat lima waktu sehari, membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji.¹⁰

⁷ Ibid; pp. 441-2.

⁸ Ibid; ms. 74.

⁹ Lihat Al Imran: 3, Al-Maidah: 46.

¹⁰ Lihat Muhammad bin Ja`far Al-Kattāni (T.t.), *Nuẓum Al-Mutanāthir Min Al-Hadīth Al-Mutawātir*, Kaherah: Dār Al-Kutub Al-Salafiyah, ms. 42.

2. Muktamad segi ketulenan tapi spekulatif segi makna (<i>Qaṭ`iy al-thubūt wa ṣanniy al-dilālah</i>)	• Al-Quran • Hadis <i>Mutawātir</i>	• Menyapu kepala semasa berwuduk.¹¹ • Tuhan bersemayam di <i>‘Arasy</i>.¹²
3. Tidak muktamad segi ketulenan tapi muktamad segi makna (<i>Ṣanniy al-thubūt wa qaṭ`iy al-dilālah</i>)	• Hadis <i>Ṣaḥīḥ</i> dan <i>Ḥasan</i>	• Larangan waris mendapat harta warisan melalui wasiat.¹³
4. Tidak muktamad segi ketulenan dan makna (<i>Ṣanniy al-thubūt wa ṣanniy al-dilālah</i>)	• Hadis <i>Ṣaḥīḥ</i> dan <i>Ḥasan</i>	• Sifat najis bagi anjing.¹⁴

Bagi menambah kejelasan, berikut adalah beberapa lagi contoh isu-isu agama yang dihukumkan sebagai kebenaran mutlak kerana ia berdasarkan dalil-dalil *syara’* yang bersifat muktamad dari segi ketulenan dan makna;

- Haram membunuh, “...dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh *Syara’*)...” (Al-An`am: 151)

¹¹ Lihat Al-Maidah: 6.

¹² Lihat Al-A`raf: 54, Yunus: 3, Al-Ra`d: 2, Taha: 5, Al-Furqan: 59, Al-Sajdah: 4 and Al-Hadid: 4. Lihat juga Al-Kattāni (T.t.), ms. 44.

¹³ Lihat hadis, “Sesungguhnya Allah telah memberi setiap yang berhak (waris) haknya. Oleh itu, tidak boleh berwasiat harta kepada waris.” (Riwayat Al-Turmuzi, Al-Nasā’ii, Ibn Majah and Abū Dāwud).

¹⁴ Lihat hadis, “Jika anjing menjilat bejana sesiapa dari kalangan kamu, hendaklah kamu membasuhnya tujuh kali.” (Riwayat Al-Bukhārī and Muslim).

- Haram berzina, “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).” (Al-Isra’: 32)
- Wajib berpuasa di bulan Ramadan, “Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.” (Al-Baqarah: 183)
- Wajib menunaikan janji dan kontrak, “Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...” (Al-Maidah: 1)
- Keharusan berniaga, “...Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...” (Al-Baqarah: 275)
- Haram memakan bangkai, darah dan daging babi, “Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir) dan daging babi....” (Al-Maidah: 3)
- Keesaan Tuhan, “Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa.” (Al-Ikhlās: 1)
- Muhammad s.a.w. adalah Nabi terakhir, “Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi dia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (Al-Ahzab: 40)

Para ulama, baik kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah atau Shi`ah, tidak mempunyai perbezaan pendapat tentang hukum-hukum di atas. Hukum-hukum yang dinyatakan adalah hukum yang dipegang oleh semua mazhab Islam dari sejak zaman silam hingga ke hari ini kerana ketulenan ayat-ayat Al-Quran yang mendasari hukum-hukum ini bersifat muktamad dan tiada kesamaran pula pada makna yang terdapat pada ayat-ayat ini yang darinya dirumuskan hukum yang dinyatakan.

Sebahagian ulama berpendapat *ijmā’* (kesepakatan ulama) juga adalah sumber bagi kebenaran jenis 1 di dalam jadual di atas. Namun, perkara ini tidak terlepas daripada kritikan.

Definisi *ijmā’* yang diguna pakai oleh para ulama sebagai sumber hukum dan dinilai bersifat *qat’iy* di sisi sebahagian dari mereka ialah kesepakatan para mujtahid (ulama yang mencapai darjat mujtahid mutlak) dalam pada zaman tertentu dalam sesuatu perkara agama.¹⁵

¹⁵ Al-Zuhayli (1986), ms. 490-5; Abū Zahrah (T.t.), ms. 156; ; Al-Khudari (1981), ms. 271.

Sememangnya ijmā' diakui sebagai salah satu sumber hukum agama dalam urutan berikut;

- Al-Quran
- Hadis
- Ijmā'
- Qiyās.¹⁶

Tidak diragukan bahawa terdapat hukum-hukum agama yang disepakati. Sebagai contoh, terdapat kesepakatan dalam kalangan semua ulama, sepanjang sejarah dan mazhab, tentang perkara-perkara berikut;

- Wajib beriman pada Allah Yang Esa
- Al-Quran adalah wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.
- Nabi Muhammad s.a.w. adalah Rasul utusan Allah
- Isa adalah seorang manusia dan Nabi yang dilahirkan oleh Maryam, bukan Tuhan dan bukan anak Tuhan
- Melaksanakan solat lima waktu sehari adalah wajib
- Berpuasa di bulan Ramadan adalah wajib.

Namun, bacaan yang teliti akan dapati bahawa *ijmā'* para ulama dalam perkara-perkara ini hanya berlaku kerana wujudnya dalil-dalil dari ayat Al-Quran dan hadis yang bersifat *qat`iy* pada ketulenan dan makna dan hanya dalam perkara-perkara yang dikenali sebagai *al-ma`lūm bi al-dīn bi al-ḍarūrah* (apa yang diketahui dalam agama tanpa perlu ilmu mendalam). *Ijmā'* tidak berlaku secara bebas atau sebagai dalil yang berdiri sendiri.¹⁷

Selain itu, terdapat pelbagai masalah berkaitan *ijmā'*, baik di peringkat konsep atau gunaan.¹⁸ Di peringkat definisi, para ulama berbeza pendapat tentang apakah kriteria-kriteria yang melayakkan seseorang itu dinilai sebagai mujtahid mutlak. Setelah itu terdapat pula perbezaan tentang siapakah mujtahid mutlak di satu zaman yang mesti bersepakat dan bagaimana pula hendak mengenal pasti

¹⁶ Ibid, ms. 417-9; Ibid, ms. 156-60; Ibid, ms. 203.

¹⁷ Ibid, ms. 463-71, 487, 538-9, 575-8; Ibid, ms. 157-8.

¹⁸ Ibid, ms. 490-1, 499-537, 571-81; Ibid, ms. 156-9, 167; Ibid, ms. 271-83.

mereka. Jika tiada perbezaan pendapat ulama dalam hal-hal ini sekalipun, wujud pula masalah praktikal, iaitu adakah kesepakatan setiap seorang mujtahid mutlak di satu zaman yang tersebar luas di seluruh bumi Islam, dari Moroko di sebelah Barat hingga ke Khurasan di sebelah Timur dan dari Anatolia di sebelah Utara hingga ke Yaman di sebelah Selatan dapat dicapai secara muktamad atau diketahui secara objektif?

Ulama silam berbeza pendapat dalam menjawab soalan ini.¹⁹ Imam Ahmad, pengasas mazhab Hanbali, mengakui *ijmā'* sebagai satu sumber hukum hanya jika ia berlaku di kalangan para sahabat Nabi s.a.w. sahaja. Hal ini kerana beliau berpendapat hanya *ijmā'* sedemikian sahaja yang boleh berlaku secara praktikal. Oleh itu, ulama mazhab Hanbali tidak menerima dakwaan *ijmā'* ulama yang selain para sahabat dan di luar zaman sahabat.²⁰

Disebabkan perbezaan-perbezaan pendapat yang ada, ulama sentiasa mengambil sikap berhati-hati terhadap apa jua dakwaan *ijmā'* dalam perkara agama. Mereka sentiasa akan mengamalkan bersikap skeptikal sebelum menerimanya. Sering kali juga, ulama mendapati bahawa dakwaan tentang *ijmā'* adalah tidak benar atau *ijmā'* yang didakwa itu bukan berdasarkan definisi yang ditetapkan, tetapi ia adalah *ijmā'* sekalian ulama sesuatu mazhab atau daerah sahaja.²¹

Atas sebab ini, *ijmā'* tidak dimasukkan sebagai salah satu kriteria bagi kebenaran dalam jadual di atas.

Dalam konteks perbahasan di sini, hanya jenis yang pertama sahaja dalam jadual di atas yang dapat dikategorikan sebagai kebenaran mutlak. Tiga yang lain jatuh dalam kebenaran subjektif kerana sifatnya yang tidak terlepas dari spekulasi, baik kerana tahap ketulenan atau makna pada dalil *syara'* yang mendasarinya.²²

Dari sini dapat dirumuskan bagi tujuan perbahasan ini, seperti berikut;

- kebenaran mutlak dalam perkara agama adalah perkara yang bersumberkan dalil yang dinilai sebagai *qat'iy* pada ketulenannya, iaitu semua ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis yang berstatus *Mutawātir*, dan makna pada dalil itu pula bersifat *qat'iy*, iaitu tidak ada ruang bagi kepelbagaian tafsiran. Jenis ini biasanya dikenali di sisi ulama dengan istilah ringkas, iaitu *al-qat'iyāt* atau *al-muḥkamāt*.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Ibid, ms. 571-8; Ibid, ms. 159-60, 167; Ibid, ms. 285.

²¹ Ibid, ms. 489-9, 574-5.

²² Lihat William James (1997), *The Meaning of Truth*, New York: Prometheus Books; John D. Caputo (2014), *Truth: Philosophy in Transit*, T.tpt.: Penguin Global.

- kebenaran spekulatif atau subjektif ialah segala yang selain kebenaran mutlak yang dijelaskan di atas. Ia dikenali di sisi ulama secara ringkas dengan *al-ẓanniyāt*. Ada pula yang menamakannya sebagai *al-mutasyābihāt*.

Penilaian Kuantitatif

Berdasarkan jadual di atas, semua ulama mengakui kewujudan kebenaran mutlak secara kualitatif dalam Islam. Pendirian ini membezakan tradisi ilmu Islam dengan sesetengah teori dalam ilmu kemanusiaan dan sains sosial yang mempertikaikan kewujudan kebenaran mutlak serta berpendapat semua kebenaran adalah subjektif kerana sifatnya sebagai tafsiran manusia sahaja.²³ Bahkan, sebahagian mereka menganggap ketulenan Al-Quran dan semua hadis juga bukan sesuatu yang mutlak. Ia hanya satu pendapat berdasarkan ijtihad para ulama semata-mata.²⁴

Namun para ulama juga akui bahawa secara kuantitatifnya kebenaran mutlak sangat sedikit berbanding dengan yang subjektif. Hal ini terkait oleh hakikat Al-Quran itu sendiri yang dirangka oleh Allah s.w.t. untuk membolehkan pelbagai tafsiran pada kebanyakan ayat-ayatnya kecuali segelintir sahaja. Tujuannya supaya ia dapat berfungsi sebagai satu kitab panduan yang anjal agar mampu menatijahkan tafsiran yang berbeza-beza bagi memenuhi keperluan pelbagai zaman dan tempat sesuai dengan sifat Islam sebagai agama bagi semua zaman, manusia dan tempat.

Jumlah kebenaran subjektif yang lebih banyak boleh juga difahami dari hakikat bahawa Al-Quran itu diturunkan dalam bahasa Arab yang merupakan produk manusia yang sifatnya terbatas (*finite*). Al-Quran pula mewakili ilmu Allah taala kepada manusia yang sifatnya pula tidak terbatas (*infinite*) sebagaimana yang dapat difahami dari firman Allah s.w.t.,

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لَكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفَذَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنفَذَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِمِثْلِهِ
مَدَدًا ﴿١٠٩﴾

Ertinya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Kalaupun semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan." (Al-Kahf: 109)

²³ Muhammad Mustaza Al-A'zami (2003), *The History of Qura'nic Text: From Revelation to Compilation*, Leicester: UK Islamic Academy, bab 18; Abdullah Saeed (2008), *The Qur'an: An Introduction*, New York: Routledge, bab 6; Ingrid Mattson, *The Story of the Qur'an: Its History and Place in Muslim Life*, West Sussex: Wiley-Blackwell, ms. 99-100; M. Mustafa Al-Azami (2004), *On Schacht's Origins of Muhammadan Jurisprudence*, Lahore: Suhail Academy, bab 5-8.

²⁴ Abdullah Saeed (2006), *Interpreting the Qur'an: Towards a Contemporary Approach*, New York: Routledge, bab 6 dan 8.

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَمٌ وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَا نَفِدَتْ كَلِمَاتُ
اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٧﴾

Ertinya: "Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis Kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Luqman: 27)

Disebabkan sifat bahasa Arab yang terbatas, kebanyakan dari ayat-ayat ini mengandungi erti-erti mendalam yang menjangkau pengertian literal dan kajian bahasa, sesuai dengan keluasan ilmu Allah. Ini juga bermakna setiap ayat-ayat Al-Quran, kecuali sedikit, mempunyai ruang tafsiran yang amat luas dan tidak mungkin terangkum oleh hanya satu tafsiran manusia yang terbatas akalunya. Sebab itu juga kandungan Al-Quran diistilahkan oleh Allah s.w.t. sebagai *al-ayāt* yang asalnya bermakna petanda-petanda yang perlu pada tafsiran untuk digali ertinya.²⁵

Kesimpulan – Sembilan Nota Panduan

Kefahaman tentang kebenaran seperti di atas perlu difahami dengan baik oleh Muslim apabila ingin mengamalkan agamanya atau menentukan absolutisme dalam beragama. Berdasarkan apa yang telah dihuraikan di atas, sikap *wasatīyah* dalam hal ini dapat disimpulkan dalam perkara-perkara di bawah ini.

Pertama, kebenaran dalam Islam mempunyai hierarki iaitu kebenaran mutlak lebih tinggi daripada kebenaran subjektif. Menjadi satu keperluan untuk mengetahui jenis-jenis kebenaran yang diterima atau dipegang supaya dapat diketahui juga kekuatan dan hierarkinya terutama apabila wujud perbezaan pendapat. Tidak wajar mengemukakan satu kebenaran sebagai kebenaran mutlak yang tidak boleh dicabar kecuali sudah dipastikan sedemikian berdasarkan bukti yang jelas.

Kedua, kebenaran dalam sesuatu isu tidak semestinya satu sahaja disebabkan sifatnya yang boleh subjektif dan jenisnya yang bukan mutlak. Jika jenis kebenaran adalah subjektif, berpegang dengan satu pendapat sahaja bukan satu kemestian dalam semua keadaan kerana pendapat lain juga boleh sama benar selagi berdasarkan metodologi yang diakui dalam tradisi ilmu Pengajian Islam. Oleh itu, tidak perlu bersikap tegar dengan kebenaran yang dipegangi atau amalkan absolutisme dan tidak perlu juga bertanggapan bahawa pendapat yang lain mesti salah atau sesat. Sebaliknya, hendaklah

²⁵ Sanu (2004), ms. 21.

berlapang dada dan menghormati hak orang lain untuk berpegang pada kebenaran berbeza kecuali telah pasti ia adalah kebenaran mutlak.

Ketiga, absolutisme beragama tidak boleh dikatakan secara umum sebagai terpuji atau tercela. Ia bergantung pada isu apakah absolutisme beragama digunapakai.

Keempat, Islam membenarkan absolutisme beragama jika ia membabitkan perkara *al-thawābit* atau *al-qat`iyyat* (jenis 1 dalam jadual) kerana kebenaran padanya bersifat objektif dan mutlak yang wajib dijunjung kecuali dalam situasi yang memang *syara'* sendiri memberi *rukhsah* (keringanan).

Kelima, walaupun absolutisme beragama yang sah dibenarkan *syara'*, ia perlu diamalkan bersesuaian dengan adab-adab Islam yang mulia dan berhikmah kerana kedua-duanya juga adalah tuntutan *syara'*. Keinginan untuk menegak dan mempertahankan kebenaran bukan lesen bagi Muslim untuk melakukan apa sahaja seperti bersikap biadap dan ganas.

Keenam, absolutisme beragama yang dicela Islam apabila ia membabitkan perkara *al-ḥananiyyāt* (jenis 2-4 dalam jadual) kerana kebenarannya bersifat subjektif. Pada umumnya juga, perkara-perkara agama jenis ini menatijahkan perbezaan pendapat di dalam kalangan ulama atau disifatkan sebagai perkara-perkara *khilāfiyyah* atau *ijtihādiyyah* yang menuntut Muslim untuk berpegang pada kaedah fikih, *lā inkār fī masā'il al-ijtihād* (tidak boleh memunkarkan perkara-perkara terbuka pada ijtihad), kecuali terbukti pendapat itu tidak sah di sisi tradisi ilmu Pengajian Islam. Oleh itu, bersikap absolutisme kerana menganggap pendapat yang dipegang sahaja yang benar adalah satu kesilapan dan menjadi masalah lebih buruk jika diikuti dengan sikap yang menuduh pihak lain sesat atau kafir.

Ketujuh, kewujudan absolutisme beragama yang sah di sisi *syara'* bermakna fahaman relativisme mutlak bagi kebenaran dan moral adalah fahaman yang bermasalah di sisi *syara'* yang harus diwaspadai.

Kelapan, walaupun *syara'* akui kewujudan absolutisme agama, jumlah perkara-perkara agama yang bersifat *al-ḥananiyyāt* lebih banyak dan luas. Hal ini menjadikan ruang absolutisme agama adalah kecil dan sempit. Oleh itu, cermat dan warak dalam beragama menuntut Muslim menanggapi sesuatu isu sebagai *al-ḥananiyyāt* yang terbuka pada perbezaan pendapat dan perlu berlapang dada kecuali setelah terbukti sebaliknya. Ini juga menuntut agar tidak mudah mendakwa sesuatu pendapat sebagai kebenaran mutlak kecuali setelah dipastikan ia benar-benar termasuk dalam perkara *al-qat`iyyāt* dalam agama. Jumlah kebenaran subjektif yang lebih banyak bermakna pada segala dakwaan kebenaran mempunyai kebarangkalian ia salah atau kemungkinan wujud pendapat lain yang sama benar kecuali terdapat bukti yang jelas bahawa dakwaan itu adalah jenis kebenaran mutlak.

Kesembilan, kewujudan dalil Al-Quran dan hadis *Ṣaḥīḥ* sahaja tidak memadai untuk mendakwa bahawa sesuatu perkara agama itu adalah kebenaran mutlak kerana ia mungkin berdasarkan lafaz yang tidak mutlak maknanya (*ẓanniy al-dilālah*).

Penutup

Walaupun faham kebenaran penting, tapi ia bukan sesuatu yang mudah. Apa yang cuba dijelaskan melalui artikel ini mewakili hanya segelintir daripada apa yang dihuraikan oleh para ulama tapi ia sudah cukup rumit bagi kebanyakan Muslim. Kerumitan ini menuntut setiap Muslim mendapat bimbingan yang benar daripada mereka yang pakar dalam ilmu-ilmu tradisi Islam dalam memahami agamanya.

ISBN: 978-981-18-2607-8

